

*Bab 2: Trend Semasa Dalam Perniagaan
Perniagaan Tingkatan 4*

60	Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pelepasan cukai yang diberikan oleh kerajaan. ☐ Syarikat Warisan Asli Sdn. Bhd terlibat dalam pengeluaran makanan. ☐ Sebahagian besar pendapatan syarikat digunakan untuk pembelian aset bagi meningkatkan lagi operasi pengeluaran Apakah jenis pelepasan cukai yang layak diterima oleh syarikat itu? A Taraf perintis B Potongan cukai C Pengecualian cukai D Elaun pelaburan semula
61	Apakah peranan kerajaan negeri? A Mengumpulkan hasil cukai pendapatan B Membangunkan kegiatan ekonomi setempat C Membina sistem jaringan pengangkutan yang baik D Melindungi pengguna daripada penipuan peniaga
62	Maklumat di bawah berkaitan dengan satu jenis pengangguran. ☐ Pekerja bekerja dalam jangka masa pendek setiap tahun ☐ Pekerja perlu mencari pekerjaan lain Apakah jenis pengangguran tersebut? A Pengangguran kitaran B Pengangguran teknologi C Pengangguran struktur D Pengangguran bermusim
63	Apakah itu deflasi? A. Satu keadaan di mana permintaan barang dan perkhidmatan meningkat B. Satu fenomena kekurangan barang atau perkhidmatan di dalam pasaran C. Satu keadaan kejatuhan harga barang atau perkhidmatan yang berterusan D. Satu situasi di mana harga barang atau perkhidmatan meningkat mendadak
64	Akta manakah yang berkaitan dengan perlindungan pengguna dari aspek hak mendapat ganti rugi? A Akta Kontrak 1950 B Akta Syarikat 1965 C Akta Sewa Beli 1967 D Akta Hak Cipta 1987
65	Maklumat berikut menunjukkan peranan kerajaan pusat dalam pengubalan undang-undang.

Bab 2: Trend Semasa Dalam Perniagaan
Perniagaan Tingkatan 4

	Pihak kerajaan berperanan untuk memastikan setiap perniagaan mesti didaftarkan. Apakah akta yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah di atas ? A. Akta Persaingan 2010 B. Akta Sewa Beli 1967 C. Akta Syarikat 1965 D. Akta Kontrak 1950
66	Maklumat berikut berkaitan jenis pelepasan cukai. ☐ Dikecualikan pembayaran cukai selama 5 tahun ☐ Diberi kepada syarikat yang menyertai promosi oleh kerajaan Apakah jenis pelepasan cukai tersebut? A. Taraf perintis B. Potongan cukai C. Elaun cukai pelaburan D. Elaun pelaburan semula - E.
67	Maklumat berikut menunjukkan satu jenis pengangguran. Apakah jenis pengangguran tersebut ? A. Teknologi B. Bermusim C. Struktur D. Kitaran
68	Mengapakah inflasi boleh berlaku? I. Penduduk tidak mampu membeli barang di pasaran II. Penduduk menangguhkan pembelian barang III. Peningkatan harga barang dan perkhidmatan IV. Peningkatan barang dengan jumlah yang terhad A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV
69	Apakah tindakan yang perlu diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran bermusim?

Bab 2: Trend Semasa Dalam Perniagaan
Perniagaan Tingkatan 4

	I Pengecualian cukai ke atas pembayaran gaji II Melaksanakan pemberian insentif kepada perniagaan III Menjalankan dasar fiskal menangani kemelesetan ekonomi IV Menjalankan dasar kewangan untuk mengawal penawaran wang A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV
70	Gaya pengurusan manakah yang dapat membentuk persekitaran organisasi kondusif, wujud toleransi, dan hubungan baik antara majikan dan pekerja? A Gaya pengurusan sokongan B Gaya pengurusan sederhana C Gaya pengurusan demokratik D Gaya pengurusan laissez-faire
71	Maklumat yang berikut berkaitan dengan langkah yang dilakukan oleh kerajaan. ☐ Meningkatkan atau mengurangkan kadar faedah ☐ Meningkatkan atau mengurangkan kadar cukai Apakah matlamat utama kerajaan mengambil langkah-langkah sedemikian? A Untuk menjamin keadaan ekonomi yang stabil B Untuk menggalakkan aliran masuk mata wang asing C Untuk menggalakkan penggunaan barang tempatan D Untuk meningkatkan permintaan untuk barang keluaran tempatan
72	Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat? A Cukai yang dikutip oleh kerajaan menurun B Kadar pengangguran semakin menurun C Jualan dan keuntungan perniagaan adalah malar D Peniaga mengurangkan pembelian bahan mentah
73	“Baru-baru ini, kerajaan mengambil keputusan untuk menggantikan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dengan cukai jualan dan perkhidmatan (SST).”

Bab 2: Trend Semasa Dalam Perniagaan
Perniagaan Tingkatan 4

	Berdasarkan pernyataan di atas. Apakah faktor yang mempengaruhi perniagaan? A Ekonomi B Teknologi C Sosiobudaya D Politik dan perundangan
74	Antara yang berikut, yang manakah tindakan bank pusat semasa deflasi? I Menaikkan kadar faedah II Mengurangkan penawaran wang III Menurunkan kadar faedah IV Menambahkan penawaran wang A I dan II C II dan III B I dan IV D III dan IV
75	Maklumat berikut menunjukkan sejenis pengangguran. En Ali, seorang nelayan terpaksa berhenti menangkap ikan semasa musim tengkujuh kerana ombak bergelora. Pengangguran di atas dikenali sebagai A. Pengangguran kitaran B. Pengangguran struktur C. Pengangguran teknologi D. Pengangguran bermusim
76	Antara berikut, yang manakah peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan dalam menangani isu-isu perniagaan? I. Tingkat pertumbuhan ekonomi negara II. Membantu mengurus sesebuah perniagaan yang bermasalah III. Memantau dan kawal guna tenaga penuh IV. Mengawal inflasi dan deflasi A. I, II dan III B. I, II dan IV C. I, III dan IV D. II, III dan IV
77	Kerajaan negeri menjalankan peranan A. Membangunkan kawasan setempat. B. Membina jaringan pengangkutan yang baik. C. Mengumpul cukai pendapatan dan cukai keuntungan perniagaan.

Bab 2: Trend Semasa Dalam Perniagaan
Perniagaan Tingkatan 4

	D. Melindungi pengguna daripada menjadi mangsa penipuan perniagaan
78	Deflasi merupakan satu daripada masalah yang ada dalam ekonomi sesebuah negara. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kesan deflasi? I. Kos sara hidup meningkat. II. Tingkat harga umum meningkat. III. Pemberhentian pekerja meningkat. IV. Aktiviti ekonomi menjadi perlahan. A. I, II C. II, III B. I, IV D. III, IV
79	Antara yang berikut, yang manakah merupakan dasar fiskal yang dilaksanakan oleh kerajaan semasa inflasi? A. Meningkatkan eksport. B. Menurunkan kadar cukai. C. Mengagihkan subsidi perniagaan. D. Mengurangkan perbelanjaan kerajaan
80	Apakah peranan kerajaan negeri Terengganu dalam membantu mengembangkan aktiviti perniagaan keropok di Terengganu ? A Memberikan pelepasan cukai B Mengadakan promosi perniagaan C Menyediakan pembiayaan kewangan D Melaksanakan pengubalan undang-undang
81	Pernyataan yang manakah yang menunjukkan wujudnya pengangguran kitaran ? A Pekerja menganggur kerana kontrak kerja telah tamat B Majikan mengecilkan bilangan pekerja akibat kemelesetan ekonomi C Majikan mengecilkan bilangan pekerja kerana perubahan teknologi baharu D Perubahan dalam industri yang tidak memerlukan kemahiran pekerja
82	Antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan kesan deflasi kepada masyarakat ? A Penduduk mengalami kehilangan pekerjaan B Berlaku peningkatan kuasa beli pengguna C Penurunan penawaran barangan dalam pasaran D Penurunan permintaan barangan dalam pasaran
83	Maklumat berikut menerangkan sejenis pengangguran Pengangguran yang berlaku akibat perubahan dalam industri secara keseluruhan yang tidak memerlukan kemahiran pekerja.


Bab 2: Trend Semasa Dalam Perniagaan
Perniagaan Tingkatan 4

	Apakah jenis pengangguran tersebut? A Pengangguran bermusim B Pengangguran kitaran C Pengangguran struktur D Pengangguran teknologi												
84	Carta 7 menunjukkan hasil jualan tahunan Kedai Peralatan Elektrik Hon Sing dari tahun 2014 – 2018 <table border="1"> <caption>JUALAN TAHUNAN KEDAI PERALATAN ELEKTRIK HON SING</caption> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>Nilai Jualan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2014</td> <td>650 000</td> </tr> <tr> <td>2015</td> <td>500 000</td> </tr> <tr> <td>2016</td> <td>480 000</td> </tr> <tr> <td>2017</td> <td>400 000</td> </tr> <tr> <td>2018</td> <td>380 000</td> </tr> </tbody> </table> Carta 1 Antara yang berikut, faktor dalaman manakah yang mempengaruhi situasi tersebut? I. Pendekatan jualan yang terhad II. Kepantasan perkembangan teknologi III. Keadaan politik negara yang tidak stabil IV. Sumber manusia yang kurang produktif A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV	Tahun	Nilai Jualan	2014	650 000	2015	500 000	2016	480 000	2017	400 000	2018	380 000
Tahun	Nilai Jualan												
2014	650 000												
2015	500 000												
2016	480 000												
2017	400 000												
2018	380 000												
85	Apakah kelebihan menggunakan sumber manusia dalaman bagi sesuatu jawatan kepada pekerja? A Mudah menyesuaikan diri melaksanakan tugas batraru B Menjimatkan kos kenaikan pangkat sumber dalaman C Mengelakkan kekosongan jawatan D Perkongsian idea lebih terbuka												
86	Maklumat berikut adalah berkenaan pelepasan cukai yang diberikan oleh kerajaan kepada perniagaan Pengecualian cukai selama lima tahun diberikan kepada syarikat yang terlibat dalam sektor yang dipromosikan oleh kerajaan. Apakah pelepasan cukai tersebut?												

Bab 2: Trend Semasa Dalam Perniagaan
Perniagaan Tingkatan 4

- A. Elaun cukai pelaburan
- B. Elaun pelabiran semula
- C. Taraf perintis
- D. Potongan cukai

87 Carta 1 menunjukkan hasil jualan tahunan Kilang Perabot Abu Hassan dari tahun 2014-2018



Carta 1

Faktor dalaman manakah yang mungkin menyebabkan situasi di Carta 1 berlaku

- I. Pekerja yang bermotivasi tinggi
 - II. Keadaan konsisten dalam perniagaan
 - III. Pengaruh politik setempat
 - IV. Pengurusan yang cekap dan sistematik
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

88 Apakah kelebihan mengambil pekerja dari luar organisasi bagi menjawat sesuatu jawatan?

- A. Pekerja mudah menyesuaikan diri melaksanakan tugas baharu
- B. Meningkatkan motivasi pekerja menghadapi cabaran
- C. Menjimatkan kos kenaikan pangkat sumber dalaman
- D. Perkongsian idea baharu

89 Maklumat yang berikut berkaitan dengan tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah deflasi.

- ☐ Menurunkan kadar cukai pendapatan
- ☐ Mengurangkan kadar faedah bank

Apakah kesan tindakan tersebut?

- A. Kos pinjaman perniagaan meningkat

Bab 2: Trend Semasa Dalam Perniagaan
Perniagaan Tingkatan 4

	B. Harga barang dan perkhidmatan menurun C. Pengeluar mengurangkan operasi pengeluaran D. Permintaan untuk barang dan perkhidmatan akan meningkat.
90	Penyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat? A. Guna tenaga semakin menurun B. Peniaga mengurangkan operasi pengeluaran C. Cukai yang dikutip oleh kerajaan semakin meningkat D. Jualan dan keuntungan perniagaan adalah malar.
91	Maklumat berikut berkaitan dengan peranan suatu agensi kerajaan yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) ☐ Memastikan hasil keluaran industry menepati piawaian yang ditetapkan ☐ Memastikan produk tidak menyeleweng dari segi kualiti yang ditetapkannya ☐ Aktiviti penyelidikan membantu dalam pembangunan dan perubahan teknologi Apakah agensi berkenaan? A. MEDEC B. MARDI C. SIRIM D. FELDA
92	Maklumat yang berikut berkaitan dengan satu factor luaran yang mempengaruhi perniagaan Kerajaan telah memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada kadar 6% pada 1 April 2015 Apakah factor luaran tersebut? A. Politik dan perundangan B. Ekonomi C. Sosiobudaya D. Teknologi
93	Pernyataan yang manakah berkaitan dengan dasar fiskal? A. Bank Pusat mengawal kadar faedah pinjaman B. Kerajaan pusat mengawal aktiviti faedah pinjaman C. Bank pusat mengawal aliran keluar masuk mata wang asing D. Kerajaan melaksanakan projek-projek pembangunan ekonomi
94	Gambar 1 berkaitan dengan sebuah agensi kerajaan



Gambar 1

Apakah peranan agensi tersebut?

- A. Menyediakan bantuan modal kepada usahawan berskala besar
- B. Membantu mempromosi produk usahawan ke luar negara
- C. Mempelbagai pilihan barang untuk pengguna
- D. Meningkatkan jumlah perbelanjaan kerajaan